



MAJLIS PERBANDARAN SÉBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**"MAJLIS PERASMIAN PROGRAM "FOREST
BATHING" HUTAN SIMPAN BUKIT JURU"**

23 SEPTEMBER 2017 (SABTU)

9.05 PAGI

BERTEMPAT DI BAGAN NYIOR, JURU

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng,
Ketua Menteri Pulau Pinang,

Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati Encik Tan Kean Hua
Executive Director
IOI Oleochemicals Industries Berhad

Wakil daripada Jabatan Perhutanan
Negeri Pulau Pinang

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini bagi Majlis Perasmian program “*Forest Bathing*” Hutan Simpan Bukit Juru, yang akan disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng kerana sudi melapangkan masa dan jadual beliau walaupun hari ini merupakan hari Sabtu. Tidak lupa juga rakaman jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada semua yang hadir, terutama Ahli-ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran, En. Tan Kean Hua daripada IOI Oleochemicals, Jabatan Perhutanan dan semua yang telah menjayakan majlis ini.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh MPSP bagi memelihara alam sekitar dan menjaga kelestarian hijau Seberang Perai melalui perkongsian pintar dengan Jabatan Perhutanan, PBA, sektor swasta dan stakeholders.

Perkongsian pintar MPSP dan PBA telah berjaya meremajakan Bukit DO berukuran 40,873.25 meter persegi sehingga

berjaya menjadi Taman Rekreasi Bandar yang dikunjungi hampir lima ratus (500) orang setiap hari untuk beriadah. Di samping itu, perkongsian pintar MPSP dengan ahli SPEAD (*Surveyors, Planners, Engineers, Architects and Developers*) berjaya membangunkan kawasan di Taman Tunku Seberang Jaya yang menjadi tempat tumpuan dan melakukan pelbagai aktiviti sihat. Ia juga dikunjungi hampir lima ratus (500) ke satu ribu (1000) pengunjung setiap hari.

Pada 27 Ogos 2017, MPSP bersama sektor swasta, Ahli Majlis, Jabatan Perhutanan, Hospital Bukit Mertajam, Politeknik Seberang Perai dan penduduk Seberang Perai menanam 3002 batang pokok Tecoma sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan baru-baru ini. Program tanam pokok ini telah berjaya mencatat “*Malaysia Book Of Records*”.

Pada hari ini 23 September 2017 sekali lagi MPSP berjaya melalui program perkongsian pintar di antara MPSP, Jabatan Perhutanan dan IOI Oleochemicals mengadakan program “*Forest Bathing*” Hutan Simpan Bukit Juru.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

“*Forest Bathing*” yang diadakan di Hutan Simpan Bukit Juru ini adalah yang pertama di Malaysia. Matlamatnya adalah lebih kepada

terapi diri dan terapi minda seperti berjalan-jalan di dalam hutan, berada di puncak bukit sambil bersatu dengan alam semulajadi, merasai keindahan dan bau-bauan hutan. Ianya seperti kita menikmati dan menghargai panorama alam semulajadi dengan deria yang tuhan pinjamkan ini untuk kita. Melihat dengan mata, merasa dengan lidah, mendengar dengan telinga, bau dengan hidung dan bersentuhan dengan kulit. Contoh apabila kita berjalan-jalan di dalam hutan, kita dapat mendengar burung berkicauan dan jika kita amati, pelbagai bunyi daripada pelbagai spesis burung atau haiwan-haiwan lain yang mengeluarkan bunyi yang akan kita dengar. Kita juga boleh menyentuh pelbagai jenis daun yang adanya licin, berbulu dan sebagainya. Ini yang dikatakan konsep sebenar yang saya maksudkan untuk “*Forest Bathing*”.

Seorang penyelidik perubatan daripada Duke University, ada mengatakan bahawa Jepun ada membuat beberapa kajian mengenai “*Forest Bathing*” ini dan mereka membuat kesimpulan bahawa aktiviti ini merupakan satu aktiviti yang amat baik untuk menjaga kesihatan diri kita. Secara tidak langsung, pelbagai penyakit dapat dikawal. Antaranya tekanan darah tinggi dapat dikurangkan dengan menyedut udara segar di dalam hutan dimana pokok-pokok di dalam hutan ini sentiasa melepaskan satu campuran gas yang baik ke udara. Selain mengawal darah tinggi, ianya juga dapat mengawal tekanan dan stress bagi lelaki

dan perempuan serta dapat meningkatkan sel darah putih bagi yang kurang. Di samping itu, secara tidak langsung kita akan memperolehi ketenangan yang tidak dapat kita perolehi di bandar-bandar.

Saya ingin mencadangkan agar suatu hari nanti, Jabatan Perhutanan yang menjaga Hutan Simpan ini untuk mempunyai beberapa “*Trained Guides*” supaya lebih ramai pengunjung berminat untuk menikmati panorama disamping keselamatan mereka juga dapat dijaga. Dengan adanya “*Trained Guides*” ini, pengunjung dapat mempelajari seni alam hutan.

YAB Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Saya dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri telah bersama-sama membantu menjayakan program ini dengan menaiktaraf kawasan tangga, menaiktaraf susur tangan pada tangga sedia ada dan membuat tagging nama pada pokok-pokok. Di dalam hutan ini, terdapat 646 anak tangga dan 30 spesis pokok. Syabas kepada Jabatan Perhutanan atas usaha tersebut dan saya juga dimaklumkan yang usaha menaiktaraf kawasan tangga ini masih dalam peringkat proses tender. Saya berharap ianya dapat disegerakan untuk keselesaan penduduk.

Selain itu terima kasih juga kepada IOI Oleochemicals Industries Berhad kerana sudi untuk menaiktaraf dan membaiki kemudahan pondok sedia ada termasuk menjalankan kerja-kerja mengecat pondok. Syarikat ini juga dengan besar hati sudi menyediakan papan tanda arah untuk kemudahan pengunjung. Di samping itu, penambahan sebanyak empat (4) buah bangku taman juga yang mana telah siap pada 21 Julai 2017 telah diletakkan di lokasi-lokasi bersesuaian.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi mengindahkan Hutan Simpan Bukit Juru ini disamping mempromosikan “*Forest Bathing*”. Saya berharap kemudahan-kemudahan yang telah dan akan ditambahbaik ini dapat dijaga oleh semua pihak terutama pengunjung Seberang Perai.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan moto MPSP iaitu “*Sustainability is Our Commitment*”.

Impian menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon dan bandar pintar menjelang tahun 2022 hanya mampu direalisasikan dengan penglibatan semua *stakeholders*.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sentiasa memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terika kasih juga kepada Ahli Majlis MPSP, badan korporat seperti IOI Oleochemicals, Jabatan perhutanan dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang sentiasa memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow dapat direalisasikan.

Dengan ini, saya Sudah dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.